UUM
Universiti Utara Malaysia

Jabatan Pendaftar
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman, Malaysia
Tel: (604) 928 3021/3043
Faks: (604) 928 3046/4188
www.pendaftar.uum.edu.my

Jabatan Pendaftar

" KEDAH SEJAHTERA "

UUM/PEN/S-12/5 Jld. 2

13 Mei 2012

Semua
Penolong Naib Canselor
Pengarah Institut/Pusat/Unit
Ketua Jabatan
Universiti Utara Malaysia

Yang Berusaha Prof/Tuan/Puan

PELAKSANAAN SKIM TAKAFUL KESIHATAN UNTUK STAF UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DAN TANGGUNGAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Pengarah Universiti (LPU), telah bersetuju meluluskan pelaksanaan Skim Takaful Kesihatan untuk staf UUM dan tanggungan.

Pihak Universiti telah bersetuju untuk membiayai kadar premium untuk staf sebanyak RM300.00 setahun. Lebihan daripada jumlah tersebut akan dibayar kepada syarikat insuran secara potongan gaji. Perlindungan untuk tanggungan akan dilaksanakan jika mendapat maklumbalas penyertaan melebihi 45% daripada jumlah tanggungan staf universiti.

Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama Yang Berusaha Prof/Tuan/Puan untuk menghebah dan mengedarkan borang pemilihan Skim Takaful Kesihatan seperti di Lampiran kepada semua staf di Pusat Tanggungjawab dan perlu dikembalikan ke Jabatan Pendaftar **sebelum atau pada 15 Jun 2012.**

Sekian, terima kasih.

"ILMU, BUDI, BAKTI"

Saya yang menurut perintah

(MOHAMAD AKHIR B. HJ. YUSUF)
Pendaftar
Universiti Utara Malaysia

Universiti Pengurusan Terkemuka

Sekian, terima kasih.

JABATAN PENDAFTAR
Universiti Utara Malaysia
Tel : 04-9283021/3043
Fax : 04-9283046
e-mail : pendaftar@uum.edu.my